

**Terma dan Syarat Kempen****“Grow Your Business Deposit & Win! Campaign FY2026”**

1. Kempen **“Grow Your Business Deposit & Win! Campaign FY2026”** (“Kempen”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411) (secara kolektif dikenali sebagai **“Maybank”**), adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini (“Terma dan Syarat”). Dengan menyertai kempen ini, Peserta Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma and Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

Tempoh Kempen

2. Kempen ini bermula dari **1 April 2026 12.01 pagi (MYT)** hingga **31 Oktober 2026 11.59 malam (MYT)** (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”).

Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada **pemegang akaun perniagaan Perusahaan Kecil Sederhana/Perbankan Perniagaan (“PKS/PP” atau “SME”)** baharu dan sedia ada dengan Maybank yang terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, syarikat sendirian berhad, persatuan, pertubuhan kebajikan dan badan profesional (selepas ini dirujuk sebagai **“Peserta yang Layak”**) bagi produk-produk berikut (**“Akaun Penyertaan”**):-

Konvensional	Islamik (Patuh Syariah)
Corporate Current Account	SME First Investment Account-i
SME First Account	SME First Account-i
Basic Current Account	Basic Current Account-i for SME
	Current Account-i
	Premier Mudarabah Account-i for SME

Malayan Banking Berhad / Maybank Islamic Berhad adalah ahli PIDM.

** Perlindungan oleh PIDM tertakluk kepada kriteria insurans. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui laman web Maybank2u untuk maklumat lanjut.*



Pendaftaran Kempen (tertakluk kepada Klausula Kelayakan & Mekanik Kempen)

4. Peserta yang Layak mesti mendaftar penyertaan untuk Kempen dan hanya perlu mendaftar **sekali sahaja** sepanjang Tempoh Kempen.
 - 4.1 Pendaftaran kempen boleh dibuat melalui laman web Maybank2u dan mesti menggunakan nombor telefon bimbit dan No. Pendaftaran Perniagaan (BRN) yang telah berdaftar dengan Maybank. Maybank akan memperkenalkan saluran lain untuk pendaftaran dari semasa ke semasa seperti yang dinyatakan melalui bahan pemasaran yang dihantar atau diterbitkan kepada Para Pelanggan jika perlu.
 - 4.2 Peserta yang Layak bertanggungjawab memastikan maklumat yang diberikan untuk pendaftaran adalah tepat dan dihantar atau diserahkan dalam Tempoh Kempen. Sekiranya gagal, pendaftaran tersebut akan dianggap tidak sah dan/atau tidak berjaya.
 - 4.3 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Peserta yang Layak yang mempunyai beberapa Akaun Perniagaan Maybank hanya perlu mendaftar sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen ini. Dengan itu, semua akaun dianggap layak mengambil bahagian.
 - 4.4 Jika maklumat yang diberikan oleh Peserta yang Layak semasa proses pendaftaran tidak sepadan dengan maklumat seperti dalam sistem Maybank, Maybank berhak untuk menolak pendaftaran tersebut.
 - 4.5 Jika Peserta yang Layak mendaftar dua kali melalui pelbagai saluran, Maybank hanya akan menerima pendaftaran pertama sebagai rekod rasmi.

Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen

- 5 Peserta yang Layak akan dipilih secara rawak sebagai pemenang ("**Pemenang**") menggunakan program rawak Maybank berdasarkan bilangan penyertaan yang diperolehi.
 - 5.1 Bagi akaun perniagaan Baharu yang dibuka oleh Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen, peserta dikehendaki membuat tambah nilai awal minimum sebanyak RM10,000 dan mendaftar di Maybank2u, Maybank2uBiz atau Maybank2e untuk layak menyertai Kempen serta berpeluang memperoleh penyertaan tambahan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah selepas perenggan 5.2.



- 5.2 Bagi pemegang akaun perniagaan sedia ada bagi Akaun Penyertaan, perlu meningkatkan Purata Baki Harian (PBH) dalam akaun penyertaan sebanyak minimum RM50,000 atau lebih berbanding PBH bulan lepas untuk layak menyertai Kempen serta berpeluang memperoleh penyertaan tambahan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Selain peluang untuk memperoleh penyertaan bagi hadiah-hadiah yang ditawarkan, terdapat juga Kadar Faedah Dijamin/ Keuntungan Bonus Tambahan bagi pertumbuhan Baki Harian Purata dari bulan ke bulan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Kriteria Kelayakan & Penyertaan		Akaun Konvensional	Akaun Islamik	Akaun Konvensional	Akaun Islamik
		Bilangan Penyertaan		Kadar Faedah Dijamin (% setahun)	Keuntungan Bonus Tambahan (% setahun)*
Bulan Pertama (Bagi Pembukaan Akaun Baru)	1. Buka Akaun Perniagaan baharu dalam tempoh kempen dengan baki akhir bulan penambahan baharu minimum RM10,000 dan ke atas 2. Pendaftaran untuk Maybank2U & Maybank2uBiz atau Maybank2E dalam tempoh Kempen.	25	35		



<p>Bulan Pertama (Bagi Pemegang Akaun Sedia Ada)</p>	<p>1. Untuk menyertai kempen: Tambah nilai sebanyak minimum RM50,000 dan ke atas ke dalam akaun penyertaan pada bulan pertama di atas Baki Purata Harian (BPH) bulan sebelumnya</p> <p>2. Pendaftaran untuk Maybank2u & Maybank2uBiz atau Maybank2E dalam tempoh Kempen</p>	30	40		
<p>Baki Purata Harian ("BPH") dari satu bulan ke bulan seterusnya (Pertumbuhan adalah berdasarkan gerakan</p>	<p>RM25,000 hingga RM39,999 sepanjang tempoh kempen</p>			0.5	0.75
	<p>RM40,000 hingga RM54,999 sepanjang tempoh kempen</p>			0.75	1.00



bulanan dasar BPH)	RM55,000 dan ke atas sepanjang tempoh kempen			1.00	1.25
Semasa Tempoh Kempen (Mulai Bulan Kedua and seterusnya)	Bagi setiap penambahan* Baki Purata Harian ("BPH") sebanyak RM100,000 dan ke atas	30			
	Pendaftaran untuk "Maybank ScaleUp SME Solutions" (LITE UP TOP)	20			
Pengambilan produk	Pendaftaran untuk "Maybank Work+ " - Jumlah minimum kredit gaji sebanyak RM20,000 dan ke atas	30			
	Kelulusan dan penerimaan pembiayaan yang Berjaya bagi pakej berkenaan ESG (antara 1 Apr sehingga 30 Jun 2026)	35			
	Kelulusan dan penerimaan yang berjaya bagi	50			



	pembiayaan "Maybank HERpower " (antara 1 July sehingga 30 Sep 2026)		
	Kemudahan pembiayaan perniagaan – Kecil dan sederhana - Tertakluk kepada pengeluaran pembiayaan pertama Pembiayaan Digital bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana – Mikro - Tertakluk kepada pelepasan penuh pembiayaan (antara 1 Ogos hingga 31 Oktober 2026)	50	
Had Kadar Faedah Dijamin/ Keuntungan	Jumlah Kadar Faedah Dijamin /Keuntungan Bonus Tambahan adalah dihadkan kepada RM2 juta pertama setiap bulan, dengan syarat berdasarkan tiba dahulu layan dahulu.		

Bonus Tambahan	
-----------------------	--

*Nota: Bagi Akaun SME First Investment Account-i dan Premier Mudarabah Account-i bagi SME, keuntungan bonus tambahan akan diberikan di samping kadar keuntungan indikatif semasa bagi akaun masing-masing.

5.3 Akaun Peserta yang Layak mesti aktif sepanjang Tempoh Kempen.

5.4 Formula untuk BPH:

$$\text{BPH} = \frac{\text{Jumlah baki Akhir Harian selama 1 bulan bagi Akaun Penyertaan}}{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}$$

Tahun bukan lompat = 365 hari

5.5 Formula untuk pertumbuhan BPH

Penambahan BPH: BPH (bagi bulan kempen) – BPH bagi Garis Dasar* (bulan sebelumnya)

*Nota: Pertumbuhan adalah berdasarkan gerakan bulanan dasar BPH.

Senario 1: Pelanggan Baharu kepada Bank

Pelanggan Baru	Tarikh pembukaan Akaun baru dan Tarikh pendaftaran	Baki Akhir Bulan (RM)	Penyertaan Produk	Baki Purata Harian (RM)					Bilangan penyertaan yang diperolehi	Jumlah Keuntungan Bonus Tambahan (RM)
				30/6/2026	31/07/2026	31/08/2026	30/09/2026	31/10/2026		
Islamik	2/6/2026	30/6/2026	04/6/2026	30/6/2026	31/07/2026	31/08/2026	30/09/2026	31/10/2026		
		Deposit permulaan/dana harian	Maybank2u Biz pada 10/6/2026	10,000	50,000	40,000	70,000	140,000		
		40,000		Pertumbuhan Baki Purata Harian (RM)						
				40,000	(10,000)	30,000	70,000			
Jumlah Penyertaan			35					35		
Had Keuntungan Bonus Tambahan				1.00% p.a.	0	0.75% p.a.	1.25% p.a.		127.40	



Senario 2: Pelanggan Sedia Ada kepada Bank

Pelanggan Sedia Ada	Tarikh Pendaftaran	Asas Rujukan : Baki Purata Harian (RM)	Penyertaan Produk					Baki Purata Harian (RM)				Bilangan Penyertaan diperolehi	Jumlah kadar faedah dijamin diperolehi (RM)		
			30/06/2026	16/07/2026	30/07/2026	30/09/2026	31/10/2026	31/7/2026	30/8/2026	30/9/2026	31/10/2026				
Conventional	15/07/2026	Penambahan ke atas BPH pada sedia ada (Nota 1) 50,000	Maybank2u Biz (Nota 1 & 2)	Kad Komersial	Terminal Kad	Maybank HERpower	Work+ Kredit Gaji Sebanyak RM20,000	Work+ Kredit Gaji Sebanyak RM22,000	105,000	125,000	375,000	725,000			
										Pertumbuhan Baki Purata Harian (RM)					
										55,000	20,000	250,000			350,000
Jumlah Penyertaan		30	20	20	50	30	30	0	0	30	30	240			
Had Kadar Faedah Dijamin								1.00% p.a.	0	1.00% p.a.	1.00% p.a.		549.45		

Nota 1: Penambahan ke atas BPH sedia ada /dana harian dan pendaftaran untuk Maybank2u Biz mesti disempurnakan dalam bulan pertama yang sama

Nota 2: Hanya pelanggan sedia ada yang membuat pendaftaran baru untuk Maybank2u Biz layak menerima bilangan penyertaan.

Hadiah Kempen (“Hadiah”)

6. Hadiah bagi Kempen adalah seperti berikut:

Hadiah		Nilai	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Program kebersamaan pasukan Syarikat untuk 3 Hari 2 Malam (Banjaran hotspring & Spa)	RM75,000	1
Hadiah Kedua	“Macbook Pro” bernilai RM17,500 + baucar makan korporat RM2,500	RM20,000	1
Hadiah Ketiga	Baucar minyak X2 (RM7,500 bagi setiap baucar)	RM15,000	2

- 6.1 Pemilihan Pemenang dan pengagihan Hadiah akan dijalankan dalam tempoh 90 hari bekerja selepas Tempoh Kempen tamat.
- 6.2 Peserta yang Layak hanya layak memenangi satu (1) kali sahaja daripada mana-mana kempen yang melibatkan mana-mana akaun Deposit/Pelaburan untuk SME yang berjalan pada masa yang sama:



- 6.3 Bagi Peserta yang Layak dengan akaunnya yang telah digantung atau disekat daripada menjalankan sebarang transaksi keluar atau masuk akaun atau akaunnya yang telah dibekukan atas sebarang sebab yang diperuntukkan di bawah TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT BAGI PERBANKAN ISLAM, TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN MUDARABAH PERBANKAN ISLAM dan TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN PERBANKAN tidak akan layak untuk menyertai Kempen ini.
- 6.4 Pemilihan Pemenang bagi Kempen ini akan dianalisis berdasarkan pengiraan pertumbuhan BPH sebanyak RM100,000 ke atas dan penyertaan produk SME bagi Peserta yang Layak.

7 Pengagihan Hadiah

- 7.1 Pemenang mesti mempunyai nombor telefon bimbit yang sah dan alamat e-mel yang berdaftar dengan Maybank untuk dihubungi bagi tujuan pengagihan Hadiah.
- 7.2 Pemenang akan dimaklumkan melalui Electronic Direct Mail (eDM) atau e-mel atau melalui sebarang cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- 7.3 Pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my dan/atau media sosial Maybank.
- 7.4 Pemenang dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Maybank untuk menggunakan, menyiarkan, serta berkongsi data peribadi mereka (yang mungkin termasuk nama dan maklumat peribadi), bagi tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman maklumat Pemenang di laman web Maybank, platform media social, serta bahan pemasaran lain.
- 7.5 Peserta yang Layak yang ingin menerima notifikasi mengenai keputusan Kempen melalui *inbox* Maybank2u dan paparan notifikasi (*push notification*) melalui aplikasi Maybank2u, perlu mendaftar di Maybank2u dan menjadi pengguna aktif aplikasi Maybank2u.
- 7.6 Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi sekiranya perlu, dengan memberi notis terlebih dahulu, yang akan dipaparkan di laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana mana saluran lain yang ditentukan sebagai sesuai oleh Maybank.



- 7.7 Hadiah akan disediakan untuk dikutip atau dihantarkan kepada Pemenang dalam tempoh lapan hingga dua belas (8-12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Pemenang perlu mempunyai akaun penyertaan yang aktif sepanjang tempoh penyerahan Hadiah untuk menerima Hadiah mereka.
- 7.8 Kadah Faedah Dijamin/Kadar Keuntungan Indikatif akan dikreditkan ke dalam akaun pemenang dalam tempoh lapan hingga dua belas (8-12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Pemenang perlu mempunyai akaun penyertaan yang aktif sepanjang tempoh penyerahan Hadiah untuk menerima Hadiah mereka.
- 7.9 Hadiah diberikan adalah atas dasar "seadanya" dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar, serta tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan mana-mana Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan Pemenang dibuat akan dilucutkan hak.
- 7.10 Selepas pengagihan Hadiah, Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas penggunaan Hadiah. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan dengan Hadiah, Pemenang hendaklah mengemukakan perkara tersebut secara terus kepada, sama ada, pengilang, pembekal, pedagang atau penjual.
- 7.11 Pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain sekiranya diperlukan dan Pemenang juga bersetuju untuk sebarang pendedahan yang sama dalam apa jua cara yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain boleh menyebabkan hak terhadap Hadiah dilucutkan.

Lain-Lain

- 8 Peserta yang Layak yang menutup akaun sebelum pemberitahuan Pemenang dibuat tidak akan layak untuk menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen ini.
- 9 Hanya Akaun Penyertaan yang aktif adalah layak untuk menyertai Kempen ini. Akaun Penyertaan yang berada dalam status tidak aktif (*dormant*) tidak akan dipertimbangkan.
- 10 Keputusan Maybank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.



- 11 Gambar Hadiah yang disiarkan dalam mana-mana iklan, promosi dan bahan publisiti lain yang berkaitan atau berhubung dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah
- 12 Semua Peserta yang Layak akan bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, kadar, bayaran fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada.
- 13 Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau tidak menerima Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Khidmat Pelanggan Maybank di 1300 88 6688, dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan Pemenang dibuat. Sebarang pertanyaan selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.

14 Terma dan Syarat Umum

- 14.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- 14.2 Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 14.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.



- 14.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.
- 14.5 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
- a) tujuan Kempen; dan
 - b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.
- *Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).
- 14.6 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau pengabaian oleh Maybank.
- 14.7 Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa



force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

- 14.8 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- 14.9 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.